



اونيورسيتي مليسيا فھغ  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



**UMP25**  
PELAN STRATEGIK  
2021-2025

# PELAN STRATEGIK UMP 2021 2025



[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



UMP Malaysia

**TEKNOLOGI  
UNTUK  
MASYARAKAT**

**5 STARS**  
QS RATES FOR EXCELLENCE  
2018

QS WORLD UNIVERSITY  
RANKINGS

QS WORLD UNIVERSITY  
RANKINGS: ASIA





**UMP25**  
PELAN STRATEGIK  
**2021-2025**

Hak Cipta Terpelihara © Universiti Malaysia Pahang, 2021

Cetakan Pertama 2021

Hak cipta terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti, Universiti Malaysia Pahang.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan


PELAN STRATEGIK UMP 2021-2025.

ISBN 978-967-2226-84-0

1. Universiti Malaysia Pahang--Planning--2021-2025.
2. Education, Higher--Aims and objectives--Malaysia--Pahang.
3. Universities and colleges--Malaysia--Pahang.
4. Strategic planning--Malaysia--Pahang.
5. Government publications--Malaysia.  
378.595123

Diterbitkan oleh:  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Gambar yang dirakam adalah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).  
Maklumat adalah betul dan tepat pada tarikh cetakan.



# **CANSELOR**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**  
D.K.P, D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P, S.I.M.P, D.K. (Terengganu), D.K.(Johor),  
S.P.M.J., D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K. (Selangor).



# **PRO-CANSELOR**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG,  
TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH  
IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
DK., SSAP, SIMP.**





## **MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD**

“Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan terus memfokuskan pengukuhan ekosistem pengajian tinggi dan pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam usaha menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Ia menuntut ketersediaan dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak terutamanya dalam kalangan universiti awam. Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2021-2025 telah memperlihatkan bidang fokus UMP sebagai sebuah universiti teknikal dalam mengekalkan kelestarian pengoperasian universiti. Ia sekaligus memposisikan KPT sebagai organisasi eminent yang mampu melonjakkan sektor pendidikan tinggi ke persada kegemilangan. Kejayaan ini hanya dapat dicapai dengan hasil usaha sama semua pihak. Bersama-sama kita beriltizam untuk mencurahkan khidmat bakti khususnya dalam pembangunan pendidikan tinggi negara, menjadi penggerak utama kepada pembangunan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan masa hadapan Malaysia. Tahniah UMP.”





## PRO-CANSELOR

**TAN SRI DATO' SRI (DR.) ABI MUSA ASA'ARI BIN MOHAMED NOR**  
PSM., SSAP, SIMP., DIMP., SMP.

“Sepanjang usia penubuhannya, UMP telah melalui beberapa fasa pelan strategik sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan matlamat asas penubuhannya sebagai sebuah universiti teknikal. Bermula pada tahun 2002, UMP yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah bergerak dalam fasa **Pengukuhan Asas** sebagai sebuah universiti teknikal. Fasa ini berterusan sehingga tahun 2010.

Selari dengan perubahan dari sebuah kolej universiti kepada sebuah universiti, UMP telah meletakkan tekad untuk menjadi sebuah **Universiti Teknikal Pilihan Utama** (2011 hingga 2015). Kejayaan yang diraih melalui fasa ini telah memberi inspirasi besar kepada UMP. Dengan langkah yang lebih berani bagi fasa seterusnya (2016 hingga 2020), UMP telah menjadikan tema **Menjana Kegemilangan** sebagai langkah strategiknya. Sekali lagi, UMP membuktikan kemampuannya dengan *ranking* UMP yang sentiasa ke hadapan dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), malah tidak ketinggalan jauh dengan pencapaian rakan-rakan Universiti Penyelidikan.

Bagi fasa 2021 hingga 2025, UMP dengan penuh iltizam meletakkan tema **Mencapai Kegemilangan** sebagai kerangka strategik meneruskan kecemerlangan ke arah merealisasikan visi UMP sebagai Universiti Teknologi Terunggul menjelang 2050. Syabas UMP!”



## **PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman  
PSM., SSAP, SIMP., DSAP, KMN.

“Apa yang kita cita-citakan tentang rupa dan jiwa Universiti Malaysia Pahang (UMP) 30 tahun dari sekarang bergantung dengan apa yang sedang kita ikhtiarkan kini. Setelah 19 tahun berdiri sebagai sebuah Universiti Awam sejak 2002, UMP telah berevolusi dalam empat fasa Pelan Strategik dan membina wataknya sebagai sebuah universiti teknologi. Pelan Strategik UMP 2021-2025 menjadi wahana penerus ikhtiar kita untuk mereka bentuk masa depan universiti ini dengan mengambil kira semangat dan asas asalnya serta aliran perkembangan semasa. UMP 2050 sewajarnya menjadi satu tanda aras kegemilangan untuk institusi-institusi pendidikan tinggi lain pada masa hadapan. Justeru, UMP perlulah terus melakar kisah kejayaannya – semalam yang berlalu, hari ini yang sedang ditempuhi dan hari esok yang akan dihadapi.”



## **NAIB CANSOLOR**

Profesor Dato' Ts. Dr. Yusserie Zainuddin

“UMP 2050 merupakan mercu pencapaian Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah universiti teknologi terunggul. Untuk mencapai keunggulan yang diimpikan ini, UMP harus terlebih dahulu mencapai kegemilangan. Maka Pelan Strategik UMP 2021-2025 menjadi pemangkin utama untuk kita merealisasikan kegemilangan dan keunggulan tersebut. UMP 2050 bukanlah destinasi akhir, tetapi petunjuk strategik keupayaan universiti ini mandiri mampan dengan bakat terbilang yang menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.”

# Lembaga Pengarah Universiti



Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman  
Pengerusi

## Ahli-ahli



Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie  
bin Zainuddin



Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim



Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli  
bin Mohd Yunus



Datuk Aishah  
binti Shaikh Ahmad



Dato' Habibah  
binti Mohd Yusof



Encik Mohd Sharil  
bin Abdullah



Dato' Zainal Abidin bin Ahmad



Dato' Profesor Dr. Mohammad  
Shatar bin Sabran



Encik Madyasir  
bin Ahmad Basir

# Pengurusan Tertinggi Universiti



Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin  
Naib Canselor



Profesor Ts. Dr.  
Mohd. Rosli bin Hainin  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)



Profesor Ts. Dr.  
Kamal Zuhairi bin Zamli  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)



Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie  
bin Zainuddin  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar  
dan Alumni)



Encik Hazmin bin Aris  
Pendaftar



Encik Zainudin bin Othman  
Bendahari



Encik Azman bin Abdul Rahim  
Ketua Pustakawan

# Isi Kandungan

---

- 16 Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik UMP 2021-2025
- 17 Asas Penubuhan Universiti Awam
- 27 **Objektif Strategik 1:** Keunggulan TVET Aras Tinggi
- 39 **Objektif Strategik 2:** Inovasi dengan Kolaborasi Industri
- 45 **Objektif Strategik 3:** Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi
- 51 **Objektif Strategik 4:** Kelestarian Kewangan
- 57 **Objektif Strategik 5:** Kecemerlangan Ekosistem Universiti
- 67 **Objektif Strategik 6:** Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan
- 73 Glosari
- 74 Sekalung Penghargaan



Majlis Pecah Tanah Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (kini Universiti Malaysia Pahang) di Mukim Kuala Pahang, Pekan pada 19 November 2002 oleh KDYMM Sultan Pahang, Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah.

# Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik UMP 2021-2025

## Pengenalan

**Perancangan strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah bermula semenjak penubuhannya pada 16 Februari 2002 yang pada ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).**

Pelan Strategik UMP 2021-2025 merupakan kesinambungan daripada empat (4) Pelan Strategik UMP sebelum ini yang bertujuan untuk mencapai objektif utama penubuhannya sebagai peneraju pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional aras tinggi (*Higher Technical and Vocational Education Training*) negara.

Pelan Strategik UMP 2021-2025 yang bertemakan 'Mencapai Kegemilangan Melalui Kecemerlangan' merupakan fasa kelima dan terkini dalam merealisasikan visi untuk menjadi 'Universiti Teknologi Terunggul'. Dalam konteks ini, UMP bertekad untuk berusaha ke arah kegemilangan melalui penyediaan perkhidmatan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional aras tinggi yang cemerlang kepada komuniti. Selain itu, pengistilahan semula misi turut dilakukan yang berfokus kepada menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial.

Pembentukan Pelan Strategik UMP 2021-2025 ini juga sejajar dengan fasa terakhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). PPPM (PT) ini menggariskan sepuluh (10) lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Empat (4) lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan Akademik dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam (6) lonjakan seterusnya memberi tumpuan kepada pemboleh (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.

Adalah diharapkan perancangan yang dirangka di dalam Pelan Strategik UMP 2021-2025 ini akan dapat membantu pencapaian fasa terakhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) khususnya dalam aspek menyediakan perkhidmatan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional aras tinggi.



# Asas Penubuhan Universiti Awam

Peranan sesebuah institusi pendidikan, sama ada pada peringkat sekolah atau pengajian tinggi pada asasnya bertujuan untuk menyokong hasrat kerajaan dalam usaha membangunkan modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Hasrat untuk membangunkan modal insan seimbang ini dinyatakan secara jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti berikut:

**Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.**

*Falsafah Pendidikan Kebangsaan  
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025  
(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*

Pengajian tinggi pula menyasarkan enam (6) atribut pelajar seperti berikut:

**Kementerian akan terus menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang untuk membangunkan aspirasi pelajar. Sistem pendidikan daripada peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi mempunyai visi yang sama dari segi keberhasilan dan kepentingannya kepada setiap pelajar. Kementerian memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak. Aspirasi pelajar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) mempunyai enam atribut: etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan. Inilah juga enam atribut bagi pelajar pada pendidikan tinggi.**

*Aspirasi Pelajar  
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025  
(Pendidikan Tinggi)*

Dalam aspek pengajian tinggi, peranan untuk melahirkan pelajar yang holistik secara khususnya merujuk kepada aspek memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi. Pembedaan sesuatu universiti diperuntukkan oleh seksyen 6(1)(a), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] seperti berikut:

**Jika, Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu universiti ditubuhkan dia boleh dengan perintah-**

**mengisytiharkan ditubuhkan suatu institusi pelajaran tinggi yang mempunyai taraf universiti yang menjadi suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam semua cawangan pelajaran mengikut sebagai mana yang dinyatakan dalam perintah itu.**

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pula mengkategorikan Universiti Awam (UA) kepada lima (5) kategori bagi memenuhi keperluan spesifik penubuhan UA. Lima (5) kategori UA adalah seperti berikut:

- ▶ Universiti Penyelidikan;
- ▶ Universiti Komprehensif;
- ▶ Universiti Berfokus;
- ▶ Universiti Islamik; dan
- ▶ Universiti Teknikal.

Bagi kategori Universiti Teknikal, selaras dengan fungsi sesebuah universiti dan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang holistik dan mempunyai kemahiran teknikal beraras tinggi, kerajaan telah menubuhkan universiti yang mengkhusus kepada mengadakan, memajukan dan mengembangkan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional beraras tinggi.

Satu rangkaian universiti dikenali sebagai Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah ditubuhkan yang dianggotai oleh empat buah universiti teknikal awam iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Kesemua universiti ini diamanahkan untuk menyediakan pendidikan tinggi dan penyelidikan khusus kepada TVET beraras tinggi.

Dalam hal ini, kewujudan UMP selaku sebuah universiti teknikal adalah berperanan untuk mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi teknikal yang akhirnya meningkatkan keupayaan teknikal negara.

Dalam konteks yang lebih spesifik, peranan utama UMP adalah:

- ▶ menyediakan program pengajian tinggi teknikal yang berkualiti;
- ▶ melahirkan graduan teknikal yang seimbang;
- ▶ mengembangkan ilmu pengetahuan dan keupayaan teknikal bersama komuniti; dan
- ▶ menyediakan khidmat ilmu pengetahuan dan keupayaan teknikal kepada komuniti.

Selaras dengan itu, bagi memastikan peranan utama dapat ditunaikan dengan berkesan, UMP perlu memastikan:

- ▶ secara umumnya, mempunyai warga universiti yang berpengetahuan, berkebolehan, inovatif dan berakhlak mulia;
- ▶ secara khususnya, mempunyai warga akademik yang berkemahiran dan berdedikasi dalam perkongsian ilmu dan kepakaran teknikal aras tinggi;
- ▶ secara khususnya, mempunyai warga akademik yang berkemahiran dan berdedikasi dalam penerokaan ilmu dan penerokaan pasaran;
- ▶ mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh; dan
- ▶ mengamalkan persekitaran kerja yang cekap dan inovatif.

Pemahaman asas penubuhan UMP adalah penting bagi memastikan pembentukan Pelan Strategik UMP 2021-2025 dan pelaksanaannya menepati tujuan kewujudan UMP, serta seterusnya menyedarkan setiap warga UMP untuk bertekad terhadap usaha ini.

## Prinsip Rukun Negara

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat:

- ▶ Memelihara satu cara hidup demokratik;
- ▶ Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- ▶ Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan
- ▶ Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- ▶ Kepercayaan kepada Tuhan;
- ▶ Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
- ▶ Keluhuran Perlembagaan;
- ▶ Kedaulatan Undang-undang; dan
- ▶ Kesopanan dan Kesusilaan.

## Falsafah UMP

Kepercayaan bahawa ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dimanfaatkan. Penekanan kepada ilmu gunaan yang dipraktikkan oleh insan berakhlak akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## Nilai Teras UMP

- ▶ Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta;
- ▶ Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati;
- ▶ Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana;
- ▶ Cekal dalam menghadapi cabaran; dan
- ▶ Proaktif dalam tindakan.

## Visi UMP

Universiti Teknologi Terunggul

## Misi 2021-2025

Kami bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial


## Slogan

Teknologi untuk Masyarakat

## Tema

Mencapai Kegemilangan Melalui Kecemerlangan

# Perjalanan Strategik UMP



Visi UMP



Istiadat Pemasytuhan Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan pada 12 Ogos 2006.

Perancangan strategik UMP telah bermula sejak penubuhannya pada 16 Februari 2002 yang ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM). Empat (4) fasa pertama dalam perancangan strategik ini ialah **Meletakkan Asas Universiti Teknikal (2002-2007)**, **Memperkukuhkan Asas Universiti Teknikal (2008-2010)**, **Menjadi Universiti Teknikal Pilihan Utama (2011-2015)** dan **Menjana Kegemilangan (2016-2020)**. Fasa-fasa strategik tersebut direka bentuk bagi memperkukuhkan asas penubuhan sebuah universiti teknikal dengan pencapaian utamanya sehingga kini ialah:

804

Pensyarah

986

Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana

**Pengambilan staf akademik, pentadbiran dan sokongan.** Pada Disember 2020, UMP mempunyai seramai 804 staf akademik dan 986 staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana.

11  
Pusat Pengajian

36

Prasiswazah

23

Pascasiswazah

**Peningkatan penawaran jumlah program akademik.** Pada Disember 2020, UMP mempunyai 11 pusat pengajian dan menawarkan 36 program prasiswazah, enam (6) program diploma dan 17 program pascasiswazah. Kesemua program akademik mendapat pengiktirafan kualiti daripada badan-badan berkenaan.


76%

PhD

6.8%

Pensyarah Antarabangsa

**Meningkatkan jumlah staf akademik berkeelayakan Ijazah Kedoktoran (PhD).** Melalui program SLAB/SLAI, pada Disember 2020, seramai 550 pensyarah (76 peratus) adalah pemegang ijazah PhD. Pensyarah antarabangsa adalah seramai 49 orang (6.8 peratus).



**Penghasilan graduan.** Pada Disember 2020, UMP telah menghasilkan seramai 29,768 graduan. Dari jumlah graduan tersebut, seramai 29,135 adalah graduan tempatan manakala 633 graduan adalah warga antarabangsa. UMP juga telah menghasilkan 414 pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD).

DISEMBER 2020

13,887


Pelajar

2002

303

Pelajar

**Peningkatan pengambilan pelajar sarjana muda.** Bermula seramai 303 pelajar pada tahun 2002, pada Disember 2020, UMP mempunyai seramai 13,887 pelajar berdaftar. Daripada jumlah tersebut, seramai 12,101 adalah pelajar prasiswazah dan 1,786 pelajar pascasiswazah. Selain itu, UMP turut mempunyai seramai 3,360 pelajar pembelajaran sepanjang hayat. Pada Disember 2020 juga, UMP mempunyai seramai 732 pelajar antarabangsa dari 27 buah negara. Mereka terdiri daripada 375 pelajar prasiswazah dan 357 pelajar pascasiswazah.



**Pembinaan infrastruktur universiti.** Kini, UMP beroperasi di dua (2) buah kampus iaitu UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang. UMP mempunyai asrama di dalam kampus yang boleh menampung seramai 7,428 pelajar. UMP juga telah dilengkapi dengan perpustakaan dan kemudahan ICT yang lengkap.



**Peningkatan pelajar antarabangsa.** Enrolmen pelajar antarabangsa adalah sekitar 600 pelajar tahunan iaitu lima peratus dari enrolmen. Enrolmen adalah daripada 27 buah negara.

### 3 Program Dual Ijazah

**Peningkatan kerjasama akademik antarabangsa.** Tiga (3) program dual ijazah dilaksanakan dengan kerjasama universiti di Republik Persekutuan Jerman. Pertukaran pelajar dengan universiti di Republik Rakyat China juga dilaksanakan setiap tahun. Penganjuran persidangan bersama universiti luar negara adalah sesuatu yang konsisten.

Fasa strategik kelima iaitu **Menjana Kegemilangan (2016-2020)** menyasarkan kepada keberhasilan utama sesebuah universiti teknikal.

**92.03%**  
Kebolehpasaran Graduan

**Kekuatan kebolehpasaran graduan.** UMP mencatat secara konsisten kebolehpasaran graduan yang melebihi 90 peratus setiap tahun.

**Pengukuhan pengajian pascasiswazah.** UMP mendapat enrolmen sekitar 1,500 pelajar pascasiswazah setiap tahun bersamaan dengan 12.5 peratus daripada jumlah pelajar prasiswazah.

UMP telah bergerak ke arah kelestarian kewangan dengan menginstitusikan tabung-tabung amanah di Pusat-pusat Tanggungjawab (PTJ). Yayasan UMP (dahulu dikenali sebagai *MyGift*) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 pada 15 April 2020 bagi mengendalikan dana wakaf, endowmen dan sumbangan untuk tujuan pembiayaan pendidikan dan program tanggungjawab sosial korporat.

**Secara ringkasnya, pada tahun 2020, UMP telah berjaya mencapai Pelan Menjana Kegemilangan 2016-2020 seperti yang telah disasarkan.**

Sumber data: MyMoheS, MyRA, Institut Pengajian Siswazah, Pusat Pengurusan Akademik, UMP Advanced dan Jabatan Pendaftaran.

**1.8**  
Penerbitan Setiap Pensyarah

**Kecemerlangan penyelidikan.** UMP mencapai skala 5 bintang dalam MyMoheS, SETARA dan MyRA.



Dalam *QS Rating*, UMP mendapat pengiktirafan *QS 5 Stars* pada tahun 2018. Dalam *QS World University Rankings (WUR) 2021*, UMP mencapai kedudukan 751- 800; manakala pada *QS WUR Asia 2021*, UMP mencapai kedudukan ke-133 dan merupakan kedudukan terbaik dalam kalangan MTUN. Dalam bidang pengajian pula, bidang Kejuruteraan dan Teknologi di UMP mendapat pengiktirafan pada kedudukan ke-358 di *QS WUR Subject 2021*. Usaha penghijauan kampus UMP juga menerima pengiktirafan *UI Green Metric* UMP berada di kedudukan ke-90 pada tahun 2020.

Melihat kepada matlamat perjalanan yang jauh, visi UMP adalah untuk menjadi sebuah **Universiti Teknologi Terunggul**. UMP dikatakan unggul apabila:

- ▶ mempunyai kedudukan kewangan yang sendiri dan lestari;
- ▶ berjaya menghimpun bakat yang luar biasa;
- ▶ melahirkan graduan bereputasi tinggi;
- ▶ sentiasa menghasilkan teknologi baharu;
- ▶ dirujuk untuk menyelesaikan masalah global; dan
- ▶ mengamalkan sistem pengurusan yang mengoptimumkan bakat.

## Pelan Strategik UMP 2021-2025

Selain bertekad untuk meneruskan agenda pelan sebelumnya, Pelan UMP 2021-2025 berhasrat untuk mengurangkan jurang pencapaian di dalam perjalanan UMP menuju ke arah sebuah Universiti Teknologi Terunggul. Antara cabaran utama untuk mencapai hasrat ini ialah:

- ▶ Hubungan yang mendalam dengan komuniti;
- ▶ Kedudukan kewangan yang sendiri dan lestari;
- ▶ Pengkomersialan yang memberi impak;
- ▶ Kewujudan anak-anak syarikat yang memberi impak kelestarian kewangan;
- ▶ Penawaran program akademik yang anjal dan inovatif;
- ▶ Keluasan skop dan kedalaman pengantarabangsaan;
- ▶ Penekanan terhadap kualiti program bagi laluan TVET;
- ▶ Peningkatan kebolehan staf dan kelestarian penggantian; dan
- ▶ Pemodenan pentadbiran dan persekitaran kerja.

## Pelan Strategik UMP 2021-2025 yang bertemakan ‘Mencapai Kegemilangan Melalui Kecemerlangan’ merupakan fasa kelima dan terkini dalam merealisasikan visi untuk menjadi Universiti Teknologi Terunggul.

Kecemerlangan (*excellence*) bermaksud menyediakan perkhidmatan yang melampaui jangkaan pelanggan. Kegemilangan (*glory*) pula adalah pengiktirafan pemegang taruh terhadap kecemerlangan. Hasratnya adalah agar kegemilangan dicapai daripada kecemerlangan yang dirancang (*excellence by design*). Dalam konteks ini, UMP bertekad untuk berusaha ke arah kegemilangan melalui kecemerlangan yang digariskan melalui penawaran program akademik, memanfaatkan teknologi terkini, penerokaan teknologi baharu, pengurusan kewangan dan pentadbiran serta pengantarabangsaan dan keusahawanan.

Kesemua usaha ini disimpulkan di dalam misi UMP 2021-2025. Pengistilahan semula misi dilakukan iaitu berfokus kepada kecemerlangan dalam usaha menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial. Dua (2) perkara dititikberatkan adalah:

- ▶ Kecemerlangan perkhidmatan bersama komuniti; dan
- ▶ Mengamalkan pendekatan keusahawanan sosial.



## Objektif Pelan Strategik UMP 2021-2025 adalah:

- ▶ **Keunggulan TVET Aras Tinggi**  
Menghasilkan graduan holistik yang dipacu bersama komuniti melalui program TVET aras tinggi.
- ▶ **Inovasi dengan Kolaborasi Industri**  
Mengupayakan kebolehan teknikal UMP-Industri.
- ▶ **Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi**  
Menjana ilmu dan teknologi termaju melalui inisiatif penyelidikan.
- ▶ **Kelestarian Kewangan**  
Menuju kelestarian kewangan melalui pengukuhan rizab, pulangan atas kapasiti dan amalan keusahawanan sosial.
- ▶ **Kecemerlangan Ekosistem Universiti**  
Mengamalkan persekitaran kerja yang inovatif dan cemerlang.
- ▶ **Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan**  
Menghasilkan graduan berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mempunyai kemahiran keusahawanan

## Komuniti UMP terdiri daripada pemegang taruh berikut:

- ▶ Kementerian Pengajian Tinggi;
- ▶ Badan profesional dan pengiktirafan;
- ▶ Keluarga pelajar;
- ▶ Badan pemberi biasiswa dan pinjaman;
- ▶ Industri pekerjaan;
- ▶ Alumni;
- ▶ Kerajaan Negeri Pahang;
- ▶ Masyarakat setempat;
- ▶ Masyarakat Malaysia; dan
- ▶ Masyarakat sejagat.

## Warga UMP pula adalah:

- ▶ Canselor, Pro-Canselor, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah;
- ▶ Pengurusan Tertinggi UMP;
- ▶ Pengurusan anak syarikat UMP;
- ▶ Staf akademik;
- ▶ Staf pentadbiran dan sokongan;
- ▶ Staf teknikal;
- ▶ Staf ikhtisas dan sangkutan;
- ▶ Staf anak syarikat UMP;
- ▶ Pelajar prasiswazah; dan
- ▶ Pelajar pascasiswazah.



## Objektif Strategik 1:

# Keunggulan TVET Aras Tinggi

Keunggulan TVET aras tinggi bertujuan untuk menghasilkan graduan holistik yang dipacu bersama komuniti melalui program TVET aras tinggi. Untuk mencapai objektif ini, tiga (3) penekanan utama digariskan iaitu graduan holistik, program TVET aras tinggi dan bersama komuniti. Penekanan ini diturunkan kepada dua (2) teras strategik iaitu 1A - Graduan Holistik dan 1B - Akademik Bersama Komuniti.

Program TVET aras tinggi merujuk kepada program di tahap enam (6) dan ke atas dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Ia mempunyai integrasi kemahiran dan pengetahuan tahap tinggi yang mengandungi elemen kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kritis, inovasi, pengurusan, penyeliaan dan keusahawanan bagi memenuhi keperluan pekerjaan. UMP komited menawarkan 70 peratus program berteraskan TVET aras tinggi dan 30 peratus program berfokus.

Program TVET aras tinggi adalah program Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan manakala program berfokus pula adalah program Kejuruteraan dan Pengurusan. Perbezaan utama di antara program TVET aras tinggi dan berfokus adalah peratusan pembahagian pembelajaran teoritikal dan praktikal. Program TVET aras tinggi mempunyai sekurang-kurangnya 50 peratus elemen praktikal manakala program berfokus memberi penekanan elemen teoritikal yang lebih tinggi. Namun, kesemua program akademik dibangunkan bersama komuniti agar hasil pembelajaran menepati keperluan semasa.

**Menghasilkan  
graduan holistik  
yang dipacu  
bersama komuniti  
melalui program  
TVET aras tinggi**

# 1A

Graduan Holistik

# 1B

Akademik Bersama  
Komuniti

## Teras 1A:

# Graduan Holistik

Teras pertama ialah penghasilan graduan holistik yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pembangunan pelajar yang holistik ini dilakukan melalui pembelajaran di kuliah dan di luar kuliah. Terdapat empat (4) petunjuk prestasi utama untuk mengukur keberhasilan graduan yang holistik.

1. Kebolehpasaran graduan prasiswazah;
2. Pencapaian minimum kebolehan graduan iPNK bagi graduan prasiswazah;
3. Pencapaian minimum kebolehan kesarjanaan sPNK bagi graduan pascasiswazah; dan
4. Pelajar prasiswazah yang mendapat Sijil Program Pengkhususan Terbuka.

### PPU1A(1): Kebolehpasaran graduan prasiswazah

Kebolehpasaran graduan merujuk kepada penerimaan bakal majikan terhadap kesediaan graduan untuk bekerja dan memenuhi keperluan pekerjaan. Dalam cabaran masa kini, terdapat kebarangkalian graduan tidak terus memasuki alam pekerjaan setelah tamat belajar tetapi memilih untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi atau memilih untuk membuka peluang pekerjaan dengan mengusahakan perniagaan sendiri.

Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) persoalan utama yang sering muncul berkaitan kebolehpasaran graduan iaitu:

- ▶ Adakah graduan yang bekerja di luar bidang pengajian juga dikira dalam kebolehpasaran graduan?
- ▶ Adakah graduan yang tidak bekerja kerana mempunyai sumber kewangan yang mencukupi (*financially independent*) dikira dalam kebolehpasaran graduan?

Secara dasarnya, kedua-dua kes ini perlu dikira sebagai mencapai kebolehpasaran graduan sama ada mereka memilih untuk bekerja di luar bidang pengajian (yang sesuai dengan tahap pendidikan) atau mereka tidak memerlukan majikan, ia tidak menggambarkan kegagalan dalam kebolehpasaran graduan. Graduan menganggur sebenarnya adalah graduan yang memerlukan dan mencari pekerjaan tetapi tidak ditawarkan oleh mana-mana majikan kerana ketidaksetaraan atau kekurangan ilmu dan kebolehan berbanding dengan keperluan majikan. Premis UMP menawarkan pendidikan holistik yang akan memberi nilai tambah kepada graduan dan meningkatkan peluang graduan untuk mendapat pekerjaan.

Penilaian kebolehpasaran graduan dilakukan secara dua (2) peringkat. Peringkat pertama adalah berdasarkan kutipan data yang diambil semasa konvokesyen iaitu selepas tiga (3) bulan pelajar menamatkan pengajian. Peringkat kedua, penilaian dilakukan sehingga 12 bulan pelajar menamatkan pengajian. Pengukuran ini dilakukan melalui Kajian Pengesanan Graduan dalam talian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pengiraannya adalah berdasarkan jumlah responden yang mendapat pekerjaan, melanjutkan pengajian, bekerja sendiri, mengikuti kursus jangka pendek dan menunggu peluang penempatan dibandingkan dengan jumlah keseluruhan responden dalam Kajian Pengesanan Graduan pada tahun semasa.



## Sasaran adalah peratusan minimum kebolehpasaran graduan



## PPU1A(2): Pencapaian minimum kebolehan graduan iPNK bagi graduan prasiswazah

iPNK bermaksud integrasi Purata Nilai Kumulatif yang dihasilkan daripada kombinasi akademik Purata Nilai Kredit (aPNK) dan ekstra Purata Nilai Kumulatif (xPNK). aPNK merujuk kepada pencapaian pelajar di dalam program akademik manakala xPNK pula merujuk kepada pencapaian pelajar di luar program akademik. iPNK ini akan menjadi indikator kebolehan holistik graduan sepanjang pengajian di UMP.

iPNK merujuk kepada mekanisme bersepadu pembangunan akademik dan insaniah, proses pentaksiran, intervensi dan pelaporan pencapaian yang akan mencapai peningkatan adab, keilmuan dan keupayaan mereka. Pelaporan ini memperlihatkan pencapaian kebolehan yang dihasratkan melalui enam (6) aspirasi pelajar dalam PPPM (PT) 2015-2025 dan lapan (8) domain iPNK UMP.

Penilaian iPNK ini bertujuan untuk membentuk graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan hasil pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQA) dan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

UMP juga melalui objektif pendidikan universiti telah meletakkan tiga (3) atribut graduan iaitu berilmu, berkemahiran dan beretika. Tiga (3) atribut ini disasarkan secara jangka masa panjang iaitu setelah graduan melepasi sekurang-kurangnya lima (5) tahun di alam pekerjaan. Terdapat lapan (8) kebolehan graduan disenaraikan di dalam iPNK yang mana kebolehan tersebut terbahagi kepada dua (2) komponen iaitu kebolehan akademik dan teknikal (aPNK) dan kebolehan insaniah (xPNK).

## Kebolehan Akademik dan Teknikal - aPNK

### 1. Kebolehan Menguasai Ilmu Baharu dan Mengaplikasi Ilmu Pengetahuan

Graduan berkebolehan menimba ilmu baharu secara bersemuka atau sendiri melalui pencapaian kursus-kursus akademik bidang pengajian utama mereka. Mereka juga membuktikan kebolehan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari melalui projek-projek kursus akademik yang mereka lalui.

### 2. Kebolehan Menganalisa

Graduan yang melalui proses akademik UMP berkebolehan menganalisa, membuat rumusan dan mencadangkan penyelesaian terhadap sesuatu masalah berdasarkan maklumat dan pengetahuan sedia ada.

**3. Kebolehan Menguasai Kemahiran Praktikal, Penggunaan Peralatan dan Perisian Moden**

Graduan berkebolehan menguasai kemahiran baharu secara bersemuka atau sendiri seperti kemahiran menggunakan teknologi maklumat, kemahiran menggunakan analitik data, kemahiran menggunakan mesin dan peralatan makmal serta kemahiran menguasai dwibahasa.

**4. Kebolehan Berfikir Aras Tinggi**

Graduan berkebolehan untuk memahami sesuatu permasalahan dan mencadangkan penyelesaian yang inovatif dan kreatif dengan menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi.

**Kebolehan Insaniah - xPNK****1. Kebolehan Berkomunikasi dengan Berkesan**

Graduan membuktikan mereka mempunyai kebolehan komunikasi yang berkesan dalam memahami dan menghuraikan maksud menerusi pertuturan dan penulisan dalam pelbagai hal yang kompleks termasuk mempunyai kemahiran dalam membuat perundingan dengan pemegang taruh.

**2. Kebolehan Mengurus dan Berniaga**

Graduan membuktikan bahawa mereka didedahkan dengan ilmu pengurusan perniagaan sesebuah organisasi. Menerusi pemahaman ini, mereka mempunyai kebolehan asas untuk bekerja di sesebuah organisasi atau memulakan perniagaan.

**3. Kebolehan Memimpin dan Berpasukan Secara Efektif**

Graduan membuktikan bahawa mereka boleh memimpin secara berpasukan atau menjadi ahli yang menyumbang untuk menyempurnakan sesuatu tugas.

#### **4. Kebolehan Melaksanakan Kerja Kesukarelawanan berkaitan Kemanusiaan, Persekitaran dan Kelestarian Alam serta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Graduan berkebolehan menguasai kemahiran baharu secara bersama dan membuktikan bahawa mereka memahami serta bersedia untuk melakukan kerja kesukarelawan terhadap kemanusiaan, persekitaran dan kelestarian alam.

Pengukuran pencapaian kebolehan iPNK ini diukur dari segi kebolehan pelajar untuk mencapai keputusan iPNK yang seimbang berdasarkan pengukuran yang telah ditetapkan. Kebolehan pelajar ini akan diterjemahkan di dalam Sistem Profil Pelajar (SPP). Pelajar akan memuat naik bukti-bukti pencapaian kebolehan ke dalam SPP. Data pencapaian kebolehan iPNK pelajar di dalam SPP akan dinilai oleh pemegang taruh. Berdasarkan maklum balas pemegang taruh ini sepanjang pengajian pelajar, perunding akademik akan memberi khidmat nasihat kepada pelajar untuk meningkatkan kebolehan yang telah ditetapkan. Sistem ini akan membolehkan pelajar mencapai kebolehan yang ditetapkan oleh UMP sebelum bergraduasi.

 **Sasaran adalah peratusan graduan mencapai keputusan iPNK yang seimbang**



### **PPU1A(3): Pencapaian minimum kebolehan keserjanaan sPNK bagi graduan pascasiswazah**

Graduan pascasiswazah dibangunkan bagi mencapai kebolehan keserjanaan melalui pengukuran sPNK (sarjana PNK). Kebolehan keserjanaan merujuk kepada kebolehan menuntut ilmu di peringkat tinggi secara mendalam di dalam bidang yang spesifik. Terdapat empat (4) kebolehan sarjana graduan pascasiswazah seperti berikut:

#### **1. Kebolehan Merujuk dan Menganalisa Sesuatu Bidang Ilmu dan Teknologi Tinggi Secara Kritikal**

Graduan membuktikan bahawa mereka berkebolehan untuk memahami rujukan-rujukan bidang ilmu yang spesifik dan mendalam serta boleh mengemukakan kritikan terhadap rujukan tersebut.

#### **2. Kebolehan Mengemukakan Permasalahan Terkini dan Penyelesaian Baharu**

Graduan membuktikan bahawa mereka berkebolehan dalam memformulasikan masalah terkini (*problem formulation*) dan berkebolehan mengemukakan penyelesaian baharu.

#### **3. Kebolehan Mengesahkan Ilmu dan Teknologi Baharu**

Graduan membuktikan bahawa mereka berkebolehan untuk mereka bentuk dan melaksanakan uji kaji bagi mengesahkan ilmu dan teknologi baharu.

#### 4. Kebolehan Berkomunikasi Ilmu Kesarjanaan

Graduan membuktikan bahawa mereka boleh berkongsi kesarjanaan dengan pakar bidang. Ini termasuk menulis dan membenteng artikel ilmu serta menyemak hasil kesarjanaan pakar lain.

Kaedah pengukuran adalah sama dengan iPNK iaitu dengan menggunakan SPP.

### Sasaran adalah peratusan keputusan sPNK yang seimbang

#### **PPU1A(4): Pelajar prasiswazah yang mendapat Sijil Program Pengkhususan Terbuka**

Program Pengkhususan Terbuka (PPT) merujuk kepada pelajar yang mengambil lima (5) kursus (15 kredit) yang direka bentuk secara urutan bagi membolehkan pelajar menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran.

PPT adalah bersifat pilihan kepada pelajar dan ia ditawarkan berdasarkan kepada memaksimakan perkongsian kepakaran yang dimiliki oleh pensyarah. Graduan yang menyelesaikan salah satu (1) daripada lima (5) kursus akan dianugerahkan Sijil Tamat Kursus (STK) manakala graduan yang berjaya menyelesaikan kelima-lima kursus yang ditetapkan akan dianugerahkan Sijil Pengkhususan Terbuka (SPT). Graduan yang mendapat sijil SPT di samping sijil pengajian utama telah menerima pendidikan yang lebih holistik berbanding graduan yang hanya memiliki sijil pengajian utama.

Pengukuran pencapaian adalah merujuk kepada peratusan pelajar prasiswazah UMP yang mengambil kursus sijil Program Pengkhususan Terbuka (PPT) tahun semasa berbanding jumlah pelajar prasiswazah tahun semasa.

### Sasaran adalah peratusan pelajar prasiswazah mendapat Sijil Tamat Kursus (STK)

## Teras 1B:

# Akademik Bersama Komuniti

Teras kedua bagi keunggulan TVET aras tinggi ialah Akademik Bersama Komuniti. Dalam konteks ini, ia berfokus kepada penglibatan komuniti seperti alumni, industri, masyarakat tempatan dan antarabangsa. Kepentingan akademik bersama masyarakat adalah untuk mengurangkan jurang di antara kebolehan graduan yang menepati keperluan industri dengan kebolehan pelajar yang dibina di universiti. Terdapat empat (4) petunjuk prestasi utama untuk mengukur keberhasilan Akademik Bersama Komuniti.

1. Pelajar dari industri;
2. Program ijazah bersama universiti antarabangsa;
3. Program akademik berpacuan komuniti; dan
4. Pendigitalan kandungan akademik universiti.



Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Malaysia Pahang dengan Agrico for Agricultural Development, Qatar di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur pada 20 Januari 2020

### **PPU1B(1): Pelajar dari industri**

Pelajar dari industri merupakan individu yang sedang bekerja di industri dan pada masa yang sama berdaftar sebagai pelajar dalam program akademik atau pembelajaran sepanjang hayat untuk program perdana dan eksekutif. Ia bertujuan menimba pengetahuan dan kemahiran untuk pengembangan diri serta perkembangan kerjaya. Kehadiran pelajar dari industri bukan sahaja meningkatkan akses pembelajaran tetapi juga akan mendedahkan pelajar sedia ada dengan budaya kerja dan pemikiran pekerja yang berpengalaman. Di samping itu, enrolmen pekerja industri di dalam program akademik UMP membuktikan penerimaan golongan bekerja terhadap kesesuaian program akademik yang ditawarkan oleh UMP.

Formula pengiraan adalah peratusan enrolmen pelajar industri tahun semasa berbanding dengan jumlah pelajar (Pra siswazah dan Pasca Siswazah) yang aktif untuk program akademik perdana dan pembelajaran sepanjang hayat UMP tahun semasa.

### **Sasaran adalah peratusan pelajar dari industri**

#### **PPU1B(2): Program ijazah bersama universiti antarabangsa**

Program ijazah bersama antarabangsa merupakan program akademik kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) luar negara. Ia merupakan gabungan dua (2) program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan dua (2) universiti yang berbeza. Pelajar akan menerima dua (2) ijazah yang berasingan, satu (1) daripada UMP dan juga satu (1) dari universiti kerjasama selepas berjaya memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan kedua-dua universiti. Ini adalah usaha untuk meningkatkan

hubungan dengan komuniti antarabangsa. Selain penanda aras kualiti program, program ijazah bersama juga akan meningkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan akademik setaraf dengan institusi antarabangsa.

### **Sasaran adalah bilangan program ijazah bersama universiti antarabangsa**

#### **PPU1B(3): Program akademik berpacukan komuniti**

Program akademik yang berpacukan komuniti bermaksud kursus di dalam program yang dibangunkan bersama atau mendapat perakuan oleh pihak industri melalui pertubuhan yang berkaitan dengan bidang pengajian tersebut. Pertubuhan ini mewakili komuniti yang secara aktif membangunkan dan memperakukan (*endorsing*) sesuatu program akademik yang ditawarkan. Contohnya, kursus bagi program keselamatan siber yang ditawarkan bersama CyberSecurity Malaysia.

### **Sasaran adalah bilangan program akademik yang mendapat perakuan daripada industri**

### PPU1B(4): Pendigitalan kandungan akademik universiti

Kursus *Micro-credential* adalah kursus yang memperakui pengetahuan kemahiran dan kompetensi dalam sesuatu bidang secara digital. Ia boleh menjadi sebagai satu komponen program yang telah mendapat akreditasi atau kursus lain yang menyokong program profesional, teknikal, akademik dan pembangunan sendiri pelajar atau peserta.

### Bilangan kursus *Modular-Credential* yang ditawarkan dengan enrolmen komuniti luar UMP





## Objektif Strategik 2:

# Inovasi dengan Kolaborasi Industri

Objektif inovasi dengan kolaborasi industri adalah untuk mengupayakan kebolehan teknikal UMP dan Industri. Ini dilaksanakan bukan hanya dengan memindahkan pengetahuan dan kebolehan teknikal yang terdapat di UMP kepada industri malah melibatkan pemindahan pengetahuan dan kebolehan teknikal dari industri kepada UMP. Semua ini akan membina ekonomi berasaskan ilmu (*knowledge-based economy*) yang mana ilmu pengetahuan digunakan untuk mencipta barangan dan perkhidmatan. Untuk jangka masa yang panjang akan melahirkan sebuah masyarakat berilmu (*knowledge society*) iaitu masyarakat yang menjana dan berkongsi ilmu pengetahuan bagi menambah baik kehidupan manusia. Dalam konteks Pelan Strategik UMP 2021-2025, penawaran latihan-latihan teknikal, pelaksanaan projek kerjasama menaik taraf kebolehan teknikal dan pembangunan produk yang menggunakan kepakaran teknikal UMP dan industri akan dilaksanakan. Ini dengan sendirinya akan meningkatkan kesalingan antara UMP dan industri.

## Mengupayakan kebolehan teknikal UMP-Industri

### 2A

Latihan Teknikal  
Bersama Industri

### 2B

Kerjasama Naik Taraf  
Keupayaan Teknikal  
Industri

### 2C

Pengkomersialan Produk  
dan Perkhidmatan  
Teknikal

## Teras 2A:

# Latihan Teknikal Bersama Industri

Teras pertama adalah menyediakan latihan kepada industri dengan menggunakan kepakaran dan teknologi yang dimiliki oleh UMP. Sebaliknya, kepakaran industri juga akan dikongsi dengan warga UMP. Petunjuk prestasi utama adalah:

1. Pekerja industri atau agensi yang mengikuti latihan teknikal oleh staf akademik UMP; dan
2. Staf akademik atau pelajar UMP yang mengikuti latihan teknikal kendalian industri.

### **PPU2A (1): Pekerja industri atau agensi yang mengikuti latihan teknikal oleh staf akademik UMP**

UMP akan bekerjasama dengan industri atau agensi dan akan mengenal pasti kursus-kursus pendek yang diperlukan bagi meningkatkan kebolehan teknikal pekerja industri atau agensi. UMP juga akan menawarkan kursus-kursus tersebut dan peserta kursus akan mendapat sijil UMP.

 **Sasaran adalah bilangan pekerja industri mendapat sijil UMP**

### **PPU2A (2): Staf atau pelajar UMP yang mengikuti latihan teknikal kendalian industri**

UMP akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat dan mengenal pasti kepakaran teknikal terutamanya kepakaran khusus (*specialised expertise*) yang terdapat di industri. Seterusnya, UMP akan menganjurkan sesi perkongsian ilmu dengan staf atau pelajar UMP. Staf UMP juga akan disangkutkan di industri bagi mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan yang spesifik dan mendalam.

 **Sasaran adalah bilangan staf atau pelajar UMP mempelajari kepakaran khusus dari industri**



## Teras 2B:

# Kerjasama Naik Taraf Keupayaan Teknikal Industri

Selain dari latihan teknikal, bagi tujuan mencapai kemampunan kerjasama di antara UMP dan industri, kerjasama dengan industri juga akan dibina bagi meningkatkan keupayaan teknikal industri dengan menggunakan kepakaran dan teknologi yang dimiliki oleh ahli akademik UMP. Peningkatan keupayaan teknikal itu dapat dilihat apabila industri telah menukar dari penggunaan teknologi sedia ada kepada teknologi yang dipindahkan dari kepakaran UMP dan mendapat manfaat dari pemindahan tersebut. Ini dicapai dengan menggerakkan dua (2) petunjuk prestasi utama seperti berikut:

1. Projek menaik taraf keupayaan teknologi komuniti oleh UMP (*Made in UMP*); dan
2. Staf akademik yang memiliki geran padanan UMP-Industri.

### **PPU2B (1): Projek menaik taraf keupayaan teknologi komuniti oleh UMP (*Made in UMP*)**

Kerjasama menaik taraf keupayaan teknologi komuniti (industri atau masyarakat) merujuk kepada aktiviti penyelidikan dan inovasi antara fakulti atau pusat kecemerlangan bersama industri dan agensi. Contohnya, penyelidik dalam bidang Kimia Industri dan Kejuruteraan Mekanik telah berjaya mencipta alat pengesan bau yang dikenali sebagai *Electronic-Nose (E-Nose)*. Alat buatan UMP ini berjaya membantu pelbagai industri yang berkaitan masalah *volatile organic compound* seperti bau minyak wangi, aroma koko dan bau berkaitan pencemaran di Malaysia serta pada peringkat antarabangsa. Fungsi utama peralatan ini bertujuan untuk mengesan sumber bau dan penentuan kualiti bau tertentu. Penyelesaian ini dapat menjimatkan masa, mengurangkan kos tenaga kerja mahir dan lebih tepat hasil pengesanan. Begitu juga dengan syarikat-syarikat pembuatan yang memerlukan teknologi spesifik seperti teknologi untuk memanjang hayat peralatan guna habis. Ringkasnya, projek menaik taraf adalah projek yang menyelesaikan masalah industri dengan mengemukakan dan melaksanakan kaedah-kaedah baharu.



**Sasaran adalah bilangan projek untuk menaik taraf keupayaan teknologi komuniti oleh UMP (*Made in UMP*)**

## PPU2B (2): Staf akademik yang memiliki geran padanan UMP-Industri

Kerjasama menaik taraf keupayaan teknologi komuniti juga merujuk kepada geran padanan di antara UMP dengan Industri. Geran padanan adalah geran penyelidikan yang keperluan kewangannya ditaja bersama oleh UMP dan industri. Melalui geran padanan ini, UMP dan industri akan bekerjasama untuk mencari penyelesaian baharu permasalahan industri.

**Sasaran adalah peratusan staf akademik mengetuai geran padanan bagi menaik taraf keupayaan teknologi komuniti**



## Teras 2C:

# Pengkomersialan Produk dan Perkhidmatan Teknikal

Pengkomersialan produk merujuk kepada aktiviti kejuruteraan dan teknologi yang akhirnya menghasilkan produk berasaskan teknologi yang boleh diterima dalam pasaran terbuka. Pembangunan perkhidmatan pula merujuk kepada perkhidmatan perundingan yang memerlukan kepakaran berasaskan kejuruteraan dan teknologi yang boleh diterima dalam pasaran terbuka. Produk dan perkhidmatan berasaskan teknikal, produk dan perkhidmatan pengurusan dan sains sosial juga diambil kira sebagai melengkapi ekosistem perkhidmatan. Pengukuran keberhasilan teras ini dibuat melalui dua (2) petunjuk prestasi utama.

1. Syarikat keusahawanan staf akademik yang membina dan memasarkan produk buatan UMP (Teknousahawan); dan
2. Syarikat keusahawanan staf akademik yang menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri.

### **PPU2C(1): Syarikat keusahawanan staf akademik yang membina dan memasarkan produk buatan UMP berteraskan teknologi (Teknousahawan)**

Staf akademik yang mempunyai kepakaran E-PITIS (*Expertise - Product, Innovation, Technology, Intellectual Property and Services*) tertentu disarankan untuk membina produk berasaskan teknologi. Setelah produk berjaya dibina, mereka digalakkan untuk menjadi usahawan dan mengkomersialkan hasil pembangunan produk. Aktiviti pengkomersialan boleh dilaksanakan bersama industri berkaitan yang akan berkongsi hasilnya bersama UMP.

### **Sasaran adalah bilangan syarikat keusahawanan staf akademik memasarkan produk buatan UMP**

### **PPPU2C(2): Syarikat keusahawanan staf akademik yang menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri**

Staf akademik yang mempunyai kepakaran tertentu disarankan untuk menawarkan perkhidmatan berasaskan kepakaran yang dimiliki. Mereka digalakkan untuk menjadi usahawan dan menawarkan perkhidmatan perundingan pada pasaran terbuka terutamanya industri. Akhirnya, hasil perundingan akan dikongsi bersama UMP.

### **Sasaran adalah bilangan syarikat keusahawanan staf akademik menawarkan perkhidmatan kepada industri**



## Objektif Strategik 3:

# Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi

Penerokaan teknologi berimpak tinggi merujuk kepada inisiatif penyelidikan yang membawa perubahan positif kepada komuniti. Ini dilakukan dengan menghasilkan ilmu pengetahuan baharu dan teknologi baharu (*cutting-edge knowledge and technology*). Dengan terhasilnya ilmu dan teknologi baharu, pasaran baharu berpotensi diwujudkan yang berupaya mentransformasi kelaziman global bagi pelaksanaan sesuatu pekerjaan.

**Menjana ilmu dan teknologi termaju melalui inisiatif penyelidikan**

## 3A

Penjanaan  
Pengetahuan Baharu

## 3B

Penjanaan Teknologi  
Baharu

## Teras 3A:

# Penjanaan Pengetahuan Baharu

Teras pertama yang ditetapkan ialah inisiatif penyelidikan yang mampu menjana pengetahuan baharu. Teras ini berfokus kepada aktiviti penerbitan ilmiah hasil daripada penyelidikan intensif staf akademik sebagai ketua penyelidik bersama pelajar pascasiswazah yang berbakat.

1. Penerbitan ilmiah dan sitasi setiap staf akademik; dan
2. Ketua projek geran luar penyelidikan.

### PPU3A(1): Penerbitan ilmiah dan sitasi setiap staf akademik

Bilangan kumulatif penerbitan ilmiah ialah penerbitan di dalam jurnal dan persidangan berindeks SCOPUS/WOS/ERA/MyCITE yang dihasilkan oleh staf akademik aktif tahun semasa dan tahun sebelumnya mulai 2021. Pengukuran adalah dengan mengambil jumlah penerbitan dan dibahagikan dengan jumlah staf akademik yang aktif pada tahun semasa.

 **Sasaran adalah nisbah penerbitan ilmiah setiap staf akademik**



Manakala sitasi setiap staf akademik merujuk kepada jumlah sitasi di dalam SCOPUS/WOS dalam tempoh lima (5) tahun terakhir bagi lima (5) tahun penerbitan yang telah dihasilkan institusi sehingga tahun dinilai. Pengukuran adalah jumlah sitasi keseluruhan dan dibahagikan dengan bilangan staf akademik yang aktif pada tahun semasa.

## Sasaran adalah kumulatif sitasi setiap staf akademik dalam tempoh lima tahun terakhir penilaian

### **PPU3A(2): Ketua projek geran luar**

Ketua projek geran luar merujuk kepada staf akademik yang dipilih menjadi penyelidik utama atau ketua projek bagi projek penyelidikan yang masih aktif pada tahun semasa yang mendapat geran daripada institusi luar. Geran luar adalah geran penyelidikan yang datang bersama peruntukan kewangan daripada kementerian, agensi, badan berkanun, industri, yayasan, badan antarabangsa, dan sebagainya sama ada secara sepenuhnya atau padanan. Melalui peruntukan kewangan daripada institusi luar UMP, ia membuktikan bahawa projek penyelidikan UMP adalah bermanfaat kepada komuniti.

**Nilai geran yang dikira adalah berdasarkan glosari *Malaysia Research Assessment (MyRA)* iaitu:**

Nasional: RM20,000 ke atas bagi Sains dan Teknologi dan RM5,000 ke atas bagi bukan Sains dan Teknologi.

Antarabangsa/Industri/Swasta/NGO: RM10,000 ke atas bagi Sains dan Teknologi dan RM5,000 ke atas selain Sains dan Teknologi.

Pengukuran adalah dengan mengambil jumlah bilangan ketua projek geran luar dan dibahagikan dengan jumlah staf akademik yang aktif.

## Sasaran adalah peratusan staf akademik mengetuai projek geran luar

## Teras 3B:

# Penjanaan Teknologi Baharu

Penyelidikan yang memberi impak juga diukur melalui penjanaan teknologi baharu. Dalam aspek ini, penjanaan teknologi baharu dapat dilihat melalui bilangan harta intelek yang berjaya dilesen dan diaplikasikan serta memberi manfaat kepada komuniti. Selain itu, teknologi baharu juga memberi tumpuan terhadap kemampuan UMP untuk menghasilkan teknologi yang pertama di dunia serta mampu memberi impak positif kepada masyarakat. Terdapat dua (2) petunjuk prestasi utama ditetapkan untuk mengukur keberhasilan penjanaan teknologi baharu ini.

1. Harta intelek yang dikomersialkan; dan
2. Penghasilan penemuan atau teknologi pertama di dunia (*First discovery or technology in the world*).

### PPU3B(1): Harta intelek yang dikomersialkan

Harta intelek yang dikomersialkan merujuk kepada hasil penyelidikan yang dikomersialkan oleh pihak luar dan menjana pendapatan kepada UMP termasuk secara jualan terus, *IP Licensing*, penjualan produk dan pendapatan daripada royalti. Harta intelek merujuk kepada paten, cap dagangan, hak cipta, reka bentuk perindustrian, inovasi utiliti, paten yang mendapat sijil, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepadu seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berkaitan. Semua harta intelek perlu berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) atau badan antarabangsa yang setaraf bagi melindungi kepentingan dan hak harta intelek UMP dan penyelidikan berkaitan.

Nilai harta intelek yang dikomersialkan perlu melebihi RM10,000 ke atas dan boleh dikomersialkan kepada lebih daripada satu syarikat. Tempoh masa bagi transaksi proses dikomersialkan boleh melebihi satu tahun dan boleh diambil kira setelah proses tersebut selesai.



**Sasaran adalah bilangan harta intelek yang dikomersialkan**



## **PPU3B(2): Penghasilan penemuan atau teknologi pertama di dunia (*First discovery or technology in the world*)**

Penghasilan penemuan atau teknologi baharu yang berimpak tinggi merujuk kepada penghasilan sesuatu yang tidak pernah diteroka atau dihasilkan oleh mana-mana pihak di dunia. Ia akan memberi manfaat yang besar kepada komuniti. Pengukurannya adalah tiadanya persaingan dalam mengkomersialkan teknologi tersebut.

 **Sasaran adalah bilangan penemuan atau teknologi baharu yang dihasilkan**



Ke arah penemuan dan teknologi baharu yang berimpak tinggi



## Objektif Strategik 4:

# Kelestarian Kewangan

Kelestarian kewangan merujuk kepada keadaan kewangan UMP yang mampu berdikari daripada geran operasi kerajaan Malaysia. Untuk jangka masa yang panjang, rizab UMP seharusnya mampu membiayai keseluruhan operasi UMP tanpa memerlukan suntikan kewangan daripada kerajaan. Ini membolehkan UMP bergerak secara autonomi dan mencapai salah satu keperluan sebuah Universiti Teknologi Terunggul. Untuk mencapai kecekapan dan kelestarian kewangan, Pelan Strategik UMP 2021-2025 menggariskan dua (2) strategi teras iaitu pengukuhan sumber kewangan dan kecekapan operasi yang munasabah.

## Menuju Kelestarian Kewangan

### 4A

Pengukuhan Sumber Kewangan

### 4B

Kecekapan Operasi yang Munasabah

## Teras 4A:

# Pengukuhan Sumber Kewangan

Teras pertama berfokus kepada kekuatan kewangan UMP melalui peningkatan rizab dan peningkatan kemampuan pembiayaan sendiri melalui pendekatan keusahawanan sosial. Sehubungan itu, dua (2) perkara ini telah ditetapkan sebagai petunjuk prestasi utama pengukuhan sumber kewangan UMP.

1. Peningkatan rizab; dan
2. Bajet operasi berasaskan pendekatan keusahawanan sosial.

### **PPU4A(1): Peningkatan rizab**

Peningkatan rizab merujuk kepada keupayaan UMP dalam meningkatkan rizab. Ia dapat dilaksanakan melalui langkah-langkah penjimatan perbelanjaan operasi, pulangan dari aktiviti pelaburan, sumbangan daripada alumni, keuntungan daripada anak-anak syarikat UMP dan hasil pengkomersialan.

 **Sasaran adalah peratusan peningkatan rizab UMP**

## **PPU4A(2): Bajet operasi berasaskan pendekatan keusahawanan sosial**

Secara umumnya, pendekatan keusahawanan sosial merujuk kepada pendekatan operasi sosial secara sendiri (*self-financing social operations*). Ini bermakna, hasil pendapatan dari operasi sosial adalah memadai dan boleh dikitar semula untuk meneruskan kerja sosial akan datang serta tidak memerlukan suntikan dana luaran bagi meneruskan operasi.

Dalam konteks Pelan Strategik UMP 2021-2025, pendekatan pengurusan kewangan akan dipindahkan secara berhemah kepada pendekatan pengurusan keusahawanan sosial. Ini bermakna, setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berpeluang untuk menjana hasil akan diamanahkan untuk mengurus operasi kewangan secara sendiri dengan mengambil kira hasil yang dijana dapat dikitar semula untuk menampung operasi seterusnya sehingga jumlah hasil terkumpul membolehkan PTJ tersebut dapat melaksanakan operasi tanpa suntikan dana daripada bajet tahunan UMP. Walau bagaimanapun, kos operasi keusahawanan sosial ini tidak termasuk kos emolumen staf di PTJ kerana kos emolumen staf adalah masih di bawah pembiayaan UMP.

Sebagai contoh, kebanyakan PTJ akademik menganjurkan persidangan akademik secara tahunan atau dwitahunan. UMP akan mengeluarkan modal pendahuluan bagi kos penganjuran persidangan yang pertama. Seterusnya, PTJ tersebut akan menganjurkan persidangan dan akan mengumpulkan yuran peserta ke dalam Tabung Amanah Persidangan. Ini bermakna, PTJ berkenaan sudah mempunyai sumber kewangan sendiri untuk menganjurkan persidangan seterusnya (kerja sosial) tanpa suntikan dana tambahan daripada UMP. Ini akan memastikan kelestarian persidangan (kerja sosial) yang tentunya akan memanfaatkan masyarakat. Usaha-usaha lain juga boleh dilakukan menggunakan pendekatan keusahawanan sosial ini seperti tabung pembiayaan pascasiswazah, pengurusan konvokesyen tahunan dan sebagainya.

Jika kebanyakan operasi UMP boleh melaksanakan pendekatan keusahawanan sosial ini, operasi UMP boleh mencapai pembiayaan sendiri melainkan kos operasi pengajian.

 **Sasaran adalah peratusan pembiayaan sendiri**

## Teras 4B:

# Kecekapan Operasi Yang Munasabah

Dalam konteks ini, kecekapan operasi dilihat dari sudut kemampuan untuk mengurangkan kos operasi bagi setiap pelajar tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan yang munasabah. Ini boleh dicapai dengan mengamalkan proses kerja yang inovatif dan cekap. Terdapat dua petunjuk prestasi utama untuk mengukur kecekapan operasi iaitu pengurangan kos bagi setiap pelajar dan memaksimumkan pulangan atas kapasiti UMP.

1. Pengurangan kos setiap pelajar; dan
2. Peningkatan pulangan atas kapasiti.

### **PPU4B(1): Pengurangan kos setiap pelajar**

Pengurangan kos setiap pelajar merujuk kepada penurunan kos tahunan yang munasabah berbanding dengan bilangan keseluruhan pelajar di UMP. Ini akan dilakukan dengan melihat semula aliran-nilai (*value-stream*) terhadap proses kerja yang ada di UMP. Proses kerja yang bertindih dan tidak perlu akan dihapuskan atau diganti dengan proses kerja yang inovatif dan yang menggunakan teknologi moden. Selain itu, semakan semula terhadap setiap transaksi perolehan dan perbelanjaan akan sentiasa dilakukan bagi mencari alternatif yang lebih cekap.




**Sasaran adalah peratusan pengurangan kos setiap pelajar**

## **PPU4B(2): Peningkatan pulangan atas kapasiti**

Peningkatan pulangan atas kapasiti merujuk kepada pulangan dalam bentuk kewangan daripada kepakaran staf dan harta modal UMP. Pulangan atas kapasiti ini juga boleh berbentuk bukan kewangan iaitu melalui peningkatan produktiviti staf.

Pulangan dalam bentuk kewangan merupakan hasil daripada sumbangan kepakaran daripada staf akademik, pentadbiran, sokongan dan teknikal melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan aktiviti konsultasi serta perkhidmatan teknikal. Selain itu, pengukuran pulangan berbentuk kewangan ini juga diukur melalui pulangan daripada harta modal yang disewa kepada pihak luar.

 **Sasaran adalah peratusan pulangan kewangan atas kapasiti fizikal**

 **Sasaran adalah peratusan kos operasi akademik yang ditanggung oleh universiti berasaskan pulangan kapasiti akademik**



Pengiktirafan dan penghargaan adalah asas pembinaan kecemerlangan ekosistem universiti.



## Objektif Strategik 5:

# Kecemerlangan Ekosistem Universiti

Ekosistem universiti merujuk kepada interaksi antara unit-unit yang saling mempengaruhi dan bergantung antara satu sama lain dalam menyediakan perkhidmatan universiti.

Manakala kecemerlangan ekosistem universiti pula boleh didefinisikan sebagai kebolehan dan kemampuan untuk menggabungkan dan menggunakan segala potensi sumber manusia dan peralatan yang ada dalam setiap unit di universiti dalam menyediakan perkhidmatan melangkaui keperluan dan kehendak pelanggan. Kecemerlangan ini perlu disokong dengan pembudayaan prestasi kerja aras tinggi, inovatif dan berintegriti.

## Mengamalkan persekitaran kerja yang inovatif dan cemerlang

### 5A

Kecemerlangan Sistem  
Pengurusan Universiti

### 5B

Sumber Manusia  
yang Sejahtera

### 5C

Kampus Pintar  
dan Lestari

## Teras 5A:

# Kecemerlangan Sistem Pengurusan Universiti

Kecemerlangan sistem pengurusan universiti merujuk kepada satu mekanisme tadbir urus yang seragam dan berstruktur yang bertujuan menjadi kawalan serta pemantauan pentadbiran untuk keseluruhan fungsi utama universiti.

Pengurusan universiti adalah berlandaskan kepada perlembagaan, statut dan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa, pekeliling serta dasar kerajaan yang diguna pakai di UMP. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi Lonjakan 6 iaitu pemantapan tadbir urus, persekitaran kerja yang dinamik dan semakan semula serta pembaharuan sistem pengurusan adalah diperlukan.

1. Proses kerja utama UMP yang diringkaskan melalui penambahbaikan proses kerja;
2. Penyiapan sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan, dan perpustakaan; dan
3. Keberkesanan sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan, dan perpustakaan.

### **PPU5A(1): Proses kerja utama UMP yang diringkaskan melalui penambahbaikan proses kerja**

Petunjuk prestasi ini bertujuan meningkatkan kompetensi staf. Dalam hal ini ia merujuk kepada peningkatan kecepatan staf dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Perkara ini boleh dicapai melalui pengurusan dan pembangunan bakat staf. Pengukuran juga dilakukan melalui peningkatan produktiviti dalam penghasilan kerja yang boleh ditingkatkan melalui penggunaan sistem teknologi maklumat terkini dan juga penambahbaikkkan proses kerja yang lebih efisien.



**Sasaran adalah jumlah proses kerja utama UMP yang diringkaskan melalui penambahbaikan proses kerja**

### **PPU5A(2): Penyiapan sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan dan perpustakaan**

Penyiapan sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan dan perpustakaan merujuk kepada pengemaskinian tadbir urus, semakan fungsi jabatan dan jawatankuasa di UMP dan penambahbaikan piagam pelanggan, prosedur dan proses kerja setiap jabatan. Pengemaskinian ini perlu selari dengan akta, statut, pekeliling dan peraturan yang diterima pakai oleh UMP. Selain itu, penyiapan sistem pengurusan ini juga perlu mengambil kira elemen pemodenan dengan penggunaan teknologi terkini dan pengurusan kejut (*lean management*). Penyiapan sistem pengurusan ini juga perlu menerapkan elemen pengurusan risiko yang berkemungkinan akan dihadapi.

 **Sasaran adalah peratusan sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan, dan perpustakaan**

### **PPU5A(3): Keberkesanan sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan dan perpustakaan**

Sistem pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar, pentadbiran, kewangan dan perpustakaan yang telah siap dibangunkan akan diukur keberkesanannya melalui penilaian kepuasan pelanggan. Maklum balas yang diterima akan digunakan bagi tujuan penambahbaikan berterusan terhadap sistem pengurusan universiti ini.

 **Sasaran adalah peratusan kepuasan pelanggan terhadap sistem pengurusan universiti**

## Teras 5B:

# Sumber Manusia yang Sejahtera

Kesejahteraan sumber manusia didefinisikan sebagai taraf dan kualiti hidup staf di dalam kampus serta kebajikan komuniti. Dalam merangka dan membina kesejahteraan sumber manusia, matlamat yang digariskan adalah membina warga kerja yang sihat secara mental, fizikal dan produktif dengan persekitaran budaya kerja yang sihat, selamat dan progresif.

1. Prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan staf UMP;
2. Kes jenayah dan kemalangan jalan raya dalam kalangan staf dan pelajar;
3. Kemalangan pekerjaan; dan
4. Ekosistem OkUMP yang inklusif dan kondusif.



### **PPU5B(1): Prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan staf UMP**

Prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit adalah nisbah jumlah staf yang mempunyai faktor risiko penyakit tidak berjangkit (Obesiti Tahap I & Tahap II dan *Abnormal Lipid Profile*) kepada jumlah populasi staf pada satu waktu tertentu. Penyakit tidak berjangkit atau lebih dikenali dengan *Non-Communicable Disease* (NCD) ialah kumpulan penyakit yang boleh menyerang individu melalui pelbagai faktor risiko dan tidak boleh tersebar daripada seorang individu kepada individu yang lain. Contoh penyakit tidak berjangkit seperti penyakit kardiovaskular, kanser, penyakit mental, diabetes dan penyakit sendi, tulang dan otot *Musculoskeletal Disorders* (MSD).

Penyakit tidak berjangkit berkongsi faktor risiko yang sama. Antara faktor-faktor risiko penyakit tidak berjangkit adalah amalan gaya hidup yang tidak sihat, merokok, obesiti, gula dan kolesterol dalam darah yang tidak normal dan hipertensi.

 **Sasaran adalah peratusan penurunan prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan warga kerja UMP**

### **PPU5B(2): Kes jenayah dan kemalangan jalan raya dalam kalangan staf dan pelajar**

Kes jenayah merujuk kepada kes keselamatan di dalam kawasan kampus yang dilaporkan ke Bahagian Keselamatan yang melibatkan staf dan pelajar UMP.

Kes jenayah dan kes kemalangan jalan raya yang lebih rendah menunjukkan tahap keselamatan kampus berada di tahap yang lebih baik. Ia mempengaruhi rasa selamat dan kesejahteraan warga kampus. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan data kes jenayah dan kes kemalangan jalan raya yang berlaku berbanding jumlah warga kampus pada tahun semasa.

 **Sasaran adalah peratusan maksimum kes jenayah dan kes kemalangan jalan raya**

### **PPU5B(3): Kemalangan pekerjaan**

Kemalangan pekerjaan merujuk kepada kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan pekerjaan yang dilakukan di dalam kampus UMP yang mengakibatkan kecederaan atau kematian ke atas staf, pelajar, kontraktor atau pelawat. Kemalangan pekerjaan sifar atau rendah menunjukkan pengurusan UMP telah mengambil langkah-langkah yang wajar dan setakat yang praktik bagi melindungi semua orang yang berada di dalam kampus UMP terhadap risiko keselamatan atau kesihatan pekerjaan.

Pengukuran yang digunakan adalah Kadar Kemalangan Pekerjaan iaitu:

Jumlah kemalangan pekerjaan berlaku di dalam kampus UMP bagi tahun semasa dibandingkan dengan jumlah staf dan pelajar pada tahun semasa dan didarabkan dengan 10,000.

 **Sasaran adalah kadar maksimum kemalangan pekerjaan sehingga di bawah lima (5) setiap 10,000 orang**

### **PPU5B(4): Ekosistem OkUMP yang inklusif dan kondusif**

Pematuhan kepada Audit Sistem My-U OKU KPT merujuk kepada komitmen dan kadar pelaksanaan empat (4) domain audit iaitu tadbir urus, pengajaran dan pembelajaran dan kerjaya, perkhidmatan sokongan dan aksesibiliti serta mobiliti warga Orang Kurang Upaya (OKU) bagi membudayakan Dasar Ekosistem Mesra OKU UMP (DAMAI). Kadar pematuhan dan peratusan audit yang tinggi dan cemerlang menunjukkan komitmen pengurusan UMP dan seluruh warga kampus telah mengambil langkah-langkah bersepadu yang wajar bagi mengoptimumkan potensi dan bakat warga OKU melalui pakej integrasi program pemulihan, pengupayaan dan pemerksaan yang sistematik. Ini bertujuan untuk menjana dan menggilap jenama warga OkUMP yang unggul, mampan dan profesional melalui sinergi teknologi untuk masyarakat.

 **Sasaran adalah peratusan skor audit Sistem My-U OKU**

## Teras 5C:

# Kampus Pintar dan Lestari

Kampus pintar adalah pemodenan proses kerja UMP bagi memastikan perkhidmatan dan operasi dapat ditingkatkan melalui penyediaan dan penggunaan teknologi terkini secara pintar.

Manakala kampus lestari pula merujuk kepada kampus yang memenuhi keperluan sosial, dibangunkan dan diurus dengan kos yang munasabah dan sesuai dengan persekitaran dalaman dan luaran UMP.

1. Keupayaan infostruktur dan infrastruktur ICT berteraskan teknologi pintar; dan
2. Perancangan pembangunan dan pengurusan fasiliti kampus yang mesra sosial, ekonomi dan persekitaran.

### **PPU5C(1): Keupayaan infostruktur dan infrastruktur ICT berteraskan teknologi pintar**

Peningkatan keupayaan infostruktur merujuk kepada pemodenan teknologi sistem aplikasi teras dan sistem pangkalan data utama universiti yang bertindak sebagai pemangkin di dalam pelaksanaan kampus pintar.

Manakala keupayaan infrastruktur merujuk kepada aspek peluasan liputan kawasan kampus yang dilengkapi dengan perkhidmatan internet tanpa wayar (Wi-Fi) dan komunikasi digital. Menjelang tahun 2025, jaringan teknologi infostruktur dan infrastruktur terkini tersedia dan fakulti serta PTJ boleh menghubungkan inisiatif kampus pintar masing-masing ke jaringan ini.

 **Sasaran adalah peratusan peningkatan keupayaan infostruktur dan infrastruktur ICT berteraskan teknologi pintar**

## **PPU5C(2): Perancangan pembangunan dan pengurusan fasiliti kampus yang mesra sosial, ekonomi dan persekitaran**

Perancangan pembangunan merujuk kepada pengurusan pembangunan dan naik taraf fasiliti yang dibiayai sumber pembiayaan luaran dan dalaman.

Manakala pengurusan fasiliti kampus pula merujuk kepada pengurusan penyelenggaraan daripada aspek pencegahan, pembaikan kerosakan dan pembaikan berjadual fasiliti bagi mengekalkan fungsi fasiliti tersebut. Ia juga melibatkan perkhidmatan logistik bagi keperluan lain-lain PTJ di UMP.

Aktiviti perancangan pembangunan dan pengurusan fasiliti kampus ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan sosial (sesuai untuk semua lapisan warga UMP), ekonomi (kos yang munasabah) dan persekitaran (kondusif untuk warga UMP dan mengurangkan jejak karbon). Ia perlulah mesra sosial iaitu sesuai bagi semua lapisan termasuk OKU, melibatkan kos yang munasabah mengambil kira kesesuaian persekitaran dalaman dan luaran.

 **Sasaran adalah peratusan kepuasan minimum terhadap pelaksanaan pembangunan dan perkhidmatan fasiliti**







Fasiliti kampus yang mesra sosial mampu membina sumber manusia yang sejahtera.



Sebahagian pelajar UMP yang mengikuti program dual ijazah hasil kerjasama UMP dengan institusi di Jerman.

## Objektif Strategik 6:

# Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan

Objektif pengantarabangsaan dan keusahawanan graduan ini berfokus kepada aspirasi UMP untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berketerampilan malah berdaya saing dan sentiasa ke hadapan dalam negara bahkan juga pada peringkat antarabangsa. Objektif ini akan membantu UMP menjadi lebih relevan, kompetitif, dirujuk dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

**Menghasilkan graduan berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mempunyai kemahiran keusahawanan**

## 6A

Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa

## 6B

Pengantarabangsaan Graduan

## 6C

Keusahawanan Graduan

## Teras 6A:

# Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa

Teras pertama berfokus kepada memperkukuhkan jaringan di antara UMP dan masyarakat antarabangsa. Melalui jaringan tersebut, inisiatif untuk para pelajar mengikuti program mobiliti, latihan industri dan bekerja di luar negara akan lebih mudah dilaksanakan.

Terdapat satu (1) petunjuk prestasi utama untuk mengukur keberhasilan jaringan industri dan masyarakat antarabangsa.

1. Program kerjasama khidmat komuniti antarabangsa.



UMP merupakan Universiti Awam (UA) pertama di negara ini yang menawarkan program kejuruteraan berkembar peringkat ijazah dalam bidang Automotif dan Mekatronik dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA), dahulu dikenali sebagai Hochschule Karlsruhe Technic Und Wirtschaft (HsKA) dari Jerman sejak tahun 2010. Turut hadir bergambar bersama ialah Presiden Lembaga Penasihat HKA, Profesor E. H. Wernwe Vogt. dan Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC) UMP, Brian Trenaman.

### **PPU6A(1): Program kerjasama khidmat komuniti antarabangsa**

Petunjuk prestasi utama ini berfokus kepada peningkatan jalinan program kerjasama khidmat komuniti di peringkat antarabangsa. Melalui kerjasama ini, ia akan membantu memadankan pengetahuan, kepakaran, kemudahan dan sumber dalaman UMP dengan komuniti antarabangsa yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



**Sasaran adalah bilangan rakan kerjasama khidmat komuniti antarabangsa**

### **Teras 6B:**

# **Pengantarabangsaan Graduan**

Teras kedua bagi objektif strategik ini berfokus kepada pengantarabangsaan graduan. Teras ini merupakan aktiviti susulan dari jaringan industri dan masyarakat antarabangsa yang dibina melalui teras pertama. Aktiviti pengantarabangsaan graduan ini akan digerakkan melalui program mobiliti dan latihan industri pelajar UMP di syarikat atau agensi di luar negara. Ia seterusnya akan membantu graduan UMP untuk mendapat pekerjaan di luar negara.

Terdapat empat (4) petunjuk prestasi utama bagi mengukur pengantarabangsaan graduan.

1. Pelajar antarabangsa;
2. Pelajar mengikuti program mobiliti di luar negara;
3. Pelajar mengikuti latihan industri di luar negara; dan
4. Graduan bekerja di luar negara.

### **PPU6B(1): Pelajar antarabangsa**

Kehadiran pelajar antarabangsa menjadikan persekitaran pembelajaran di UMP bersifat global. Selain interaksi dalam kalangan pelajar tempatan, pelajar akan terdedah dan bergerak dengan budaya serta cara berfikir secara global. Pelajar antarabangsa juga akan meluaskan jaringan sosial kepada graduan dan tentunya akan mengukuhkan agenda untuk melahirkan graduan yang holistik. Pelajar antarabangsa adalah semua pelajar berdaftar yang bukan warganegara Malaysia untuk semua mod pengajian termasuk pengajian persediaan dan pelajar pascasiswazah termasuk pelajar mobiliti yang memegang pas pelajar untuk sekurang-kurangnya satu semester. Kaedah pengiraan adalah peratusan enrolmen pelajar antarabangsa tahun semasa berbanding dengan jumlah pelajar yang aktif tahun semasa.

 **Sasaran adalah peratusan pelajar antarabangsa**

### **PPU6B(2): Pelajar mengikuti program mobiliti di luar negara**

Program mobiliti antarabangsa merujuk kepada mobiliti pelajar UMP (berkredit dan tidak berkredit) ke universiti di luar negara. Dengan menyertai program mobiliti di luar negara ini, ia akan membantu pelajar untuk memperluaskan pengalaman dan pandangan mereka pada peringkat antarabangsa bagi memperlengkapkan potensi global mereka.

Pelajar boleh menyertai pelbagai program mobiliti seperti mengambil bahagian dalam program akademik yang ditawarkan di institusi pendidikan di negara lain sebagai sebahagian program ijazah di UMP, penyelidikan dan kerja lapangan, pertukaran pelajar, *edu-tourism* dan sebagainya.

 **Sasaran adalah peratusan pelajar mengikuti program mobiliti di luar negara**

### **PPU6B(3): Pelajar mengikuti latihan industri di luar negara**

Latihan industri di luar negara merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah industri atau organisasi di luar negara untuk menjalani latihan industri dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan diploma atau ijazah sarjana muda. Tempoh jangka masa latihan industri ini adalah mengikut program-program pengajian. Untuk bidang Kejuruteraan, pelajar perlu menjalani latihan industri selama 10 minggu (maksimum) dan untuk bidang bukan Kejuruteraan, pelajar perlu menjalani latihan industri selama 24 minggu (maksimum).

Latihan industri di luar negara ini merujuk hanya kepada pelajar tempatan yang menjalani latihan industri di organisasi bukan di Malaysia.

## **Sasaran adalah bilangan pelajar mengikuti latihan industri di luar negara**

### **PPU6B(4): Graduan bekerja di luar negara**

Petunjuk prestasi ini merujuk kepada graduan UMP yang mendapat pekerjaan dengan industri atau organisasi di luar negara. Dalam mengukur pencapaian petunjuk prestasi ini, pengukuran dibuat tidak hanya kepada pelajar yang bekerja dengan industri atau organisasi di luar negara yang dimiliki masyarakat antarabangsa, bahkan juga yang dimiliki oleh masyarakat Malaysia namun beroperasi di luar negara. Definisi yang sama turut diguna pakai kepada graduan bukan warganegara.

## **Sasaran adalah bilangan graduan bekerja di luar negara**

## Teras 6C:

# Keusahawanan Graduan

Teras ketiga di bawah objektif strategik ini memfokuskan kepada melahirkan usahawan dalam kalangan graduan UMP. Bagi tujuan tersebut, satu (1) petunjuk prestasi utama ditetapkan bagi teras ini.

1. Syarikat pelajar yang mempunyai perniagaan berimpak.

### PPU6C(1): Syarikat pelajar yang mempunyai perniagaan berimpak

Syarikat pelajar merujuk kepada perniagaan yang diusahakan oleh pelajar secara bersama atau individu dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perniagaan berimpak bermaksud perniagaan yang mempunyai keuntungan minimum yang ditetapkan. UMP komited menghasilkan graduan holistik yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan pada diri mereka dengan menyediakan ekosistem keusahawanan yang mantap. UMP kini perlu meningkatkan keupayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar supaya mereka dapat menghasilkan syarikat-syarikat berimpak.

 **Sasaran adalah jumlah syarikat pelajar mencapai keuntungan minimum yang diunjurkan**





# GLOSARI

aPNK	akademik Purata Nilai Kredit
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
E-PITIS	<i>Expertise - Product, Innovation, Technology, IP and Services</i>
ERA	Excellence in Research for Australia
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
iPNK	integrasi Purata Nilai Kumulatif atau Penilaian Bersepadu (aPNK dan xPNK)
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KUKTEM	Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
MTUN	<i>Malaysian Technical University Network</i>
MyIPO	Perbadanan Harta Intelek Malaysia
MyMoheS	Sistem Pengurusan Data KPT
MyRA	<i>Malaysia Research Assessment</i>
NCD	<i>Non-Communicable Disease</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PEC	<i>Pre-sessional English Course</i>
PIE	<i>Preparatory Intensive English</i>
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
PPT	Program Pengkhususan Terbuka
PhD	Ijazah Kedoktoran
PTJ	Pusat Tanggungjawab
QS	<i>Quacquarelli Symonds</i>
SETARA	Sistem Penarafan Institut Pengajian Tinggi Malaysia
SLAB	Skim Latihan Akademik Bumiputra
SLAI	Skim Latihan Akademik IPTA
sPNK	Purata Nilai Kumulatif Kesarjanaan
SPP	Sistem Profil Pelajar
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UA	Universiti Awam
UI	Universitas Indonesia
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Wi-Fi	Internet Tanpa Wayar
WoS	<i>Web of Science</i>
WUR	<i>World University Rankings</i>
xPNK	ekstra Purata Nilai Kumulatif

# Sekalung Penghargaan

---

*Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan segala sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku Pelan Strategik UMP 2021-2025 ini.*



# 2002-2004



# 2002-2004



## 2005-2007



# 2005-2007



# 2008-2010



# 2008-2010





## 2008-2010



# 2008-2010



## 2011-2013



# 2011-2013



2011-2013



# 2011-2013



## 2014-2015



# 2014-2015





# 2014-2015



# 2014-2015



# 2014-2015



# 2016-2017



# 2016-2017



# 2018-2019



# 2018-2019



# 2020






2020



2020





## Menteri Pendidikan/Pengajian Tinggi



Senator Tan Sri Datuk Seri (Dr.) Musa bin Mohamad  
1999-2004



Allahyarham Tan Sri Dr. Shafie bin Mohd Salleh  
2004-2006



Dato' Sri Mustapa bin Mohamed  
2006-2008



Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin  
2008-2013



Tan Sri Dato' (Dr.) Muhyiddin bin Muhammad Yassin  
2014-2015



Dato' Seri Idris bin Jusoh  
2015-2018



Dr. Maszlee bin Malik  
2018-2020



Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad  
2020-2021

## Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan/ Pengajian Tinggi



Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan bin Said  
2005-2008



Allahyarham Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi  
2008-2010



Dato' Profesor Dr. Rujhan bin Mustafa  
2011-2013



Dato' Profesor Dr. Morshidi bin Sirat  
2013-2014



Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail  
2014-2016



Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir  
2017-2019



Profesor Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak  
2020-2021



Profesor Dato' Dr. Husaini bin Omar  
2021-kini

## Ketua Setiausaha



Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang  
2001-2006



Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang  
2006-2010



Dato' Dr. Rosli bin Mohamed  
2010-2013



Profesor Dato' Dr. Ir. Zaini bin Ujang  
2013-2015



Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad  
2013-2016



Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd Nur  
2015-2016



Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad  
2016-2018



Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas  
2018-2020



Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff  
2020-kini

## Pro-Canselor dan Pengerusi Lembaga Pengarah

### Pro-Canselor



Tan Sri Datuk Sri (Dr.) Mohd Khamil bin Jamil  
2013-2014



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA  
PAHANG, TENKU MAHKOTA TENKU HASSANAL  
IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH  
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
DK., SSAP, SIMP.  
2019-kini**



Tan Sri Datuk Sri (Dr.) Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor  
2019-kini

### Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



Y.M. Tengku Tan Sri (Dr.) Mahaleel bin Tengku Ariff  
2004-2005



Dato' Sri Mohd Hilmeiy bin Mohd Taib  
2006-2017



Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad  
2018-2020



Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman  
2020-kini

## Lembaga Pengarah Sepanjang 2020



Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman  
19 Oktober 2020-kini



Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad  
1 Januari 2018-14 Oktober 2020



Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff  
16 Mei 2019-kini



Dato' Sri Md. Sharif bin Shamsuddin  
1 Oktober 2018-21 Jun 2021



Datuk Aishah binti Shaikh Ahmad  
1 September 2019-kini



Profesor Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad  
15 Disember 2018-16 Ogos 2020



Encik Mohd Fuad bin Kamal Ariffin  
1 September 2017-31 Ogos 2020



Dato' Majid bin Mohamad  
15 Ogos 2018-14 Ogos 2021



Encik Mohd Sharil bin Abdullah  
17 Ogos 2020-kini



Encik Shaiful bin Suliman  
1 Ogos 2017-31 Julai 2020



Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim  
1 April 2019-kini



Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus  
15 Jun 2019-kini



Dato' Hajah Habibah binti Mohd Yusof  
1 Mei 2020-kini



Dato' Zainal Abidin bin Ahmad  
1 November 2020-kini



## Pengurusan Tertinggi

### Rektor/ Naib Canselor



Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu Azam bin Md. Yassin  
2002-2004



Profesor Dato' Dr. Mohamed Said  
bin Mat Lela  
2005-2008



Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Mohd Nasir  
bin Daing Ibrahim  
2008-2019



Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff  
2019-28 Ogos 2021

### Timbalan Rektor/Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



Profesor Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed  
2002-2007



Profesor Dato' Dr. Sabarudin bin Mohd  
2007-2010



Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz  
2010-2013



Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus  
2015-2018



Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff  
2018-2019



Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli bin Hainin  
2019-kini

## Pengurusan Tertinggi

### Timbalan Rektor/Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



Profesor Dato' Ir. Ts. Dr.  
Badhrulhisham bin Abdul Aziz  
2005-2007



Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus  
2008-2013



Allahyarhamah Profesor Dato' Dr. Mashitah binti  
Mohd Yusof  
2013-2019



Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi bin Zamli  
2019-kini

### Timbalan Rektor/Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin  
2013-kini

## Pendaftar



Encik Mohd Ghani bin Salleh  
2003-2005



Dato' Sa'udi bin Ahmad  
2005-2007



Encik Mustafa bin Ibrahim  
2007-2014

## Pengurusan Tertinggi

### Pendaftar



Encik Abd Hamid bin Majid  
2016-2019



Prof. Madya Dr. Mohd Ridzuan bin Darun  
2019-2021



Encik Hazmin bin Aris  
2021-kini

### Bendahari

### Penasihat Undang-undang



Encik Zainudin bin Othman  
2007-kini



Datin Hajah Wan Maizurina binti Wan Othman  
2015-2021

### Ketua Pustakawan



Encik Ruslan bin Che Pee  
2002-2018



Encik Azman bin Abdul Rahim  
2020-kini







# PELAN STRATEGIK UMP 2021 2025



Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan, Pahang Darul Makmur  
Tel: +609 424 5000 | Faks: +609 424 5055 | e-Mel: pro@ump.edu.my  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)  
f t i UMPMalaysia



ISBN 978-967-2226-84-0

9 789672 226840